

EGM : Muar alami masalah korum
Malaysiakini.com
Apr 15, 2008
Muda Mohd Noor

Umno bahagian Muar tidak boleh mengadakan mesyuarat agung khas (EGM) kerana tidak cukup korum, jelas ketua bahagian, Datuk Mohd Shah Ismail.

Pada mulanya, kata beliau, pihaknya menerima surat yang menyatakan 24 daripada 36 ahli jawatankuasa (AJK) bahagian mahu EGM diadakan.

Bagaimanapun, katanya, dalam tempoh 14 hari selepas menerima surat daripada kumpulan tersebut, yang dihantar pada 1 April, beberapa orang telah menarik diri.

"Ini bermakna korum tidak cukup daripada yang diperlukan iaitu seramai 23 orang AJK," katanya ketika dihubungi hari ini.

Mohd Shah berkata, mereka yang menarik diri itu mendakwa telah dibayar oleh kumpulan tertentu untuk menyokong EGM tersebut diadakan.

"Saya tidak mempunyai masalah untuk membenarkan EGM jika mengikut syarat-syarat yang ditetapkan," katanya lagi.

Mohd Shah juga mempertikaikan kesahihan cawangan-cawangan yang menyokong EGM tersebut.

Dakwaan dibayar

"Ini kerana mengikut perlembagaan, cawangan perlu mengadakan mesyuarat khas terlebih dahulu sebelum menghantar senarai cawangan yang menyokong EGM kepada pihak bahagian.

Bagaimanapun, beliau meragui terdapat cawangan-cawangan di Muar yang telah mengadakan mesyuarat khas bagi menyokong bahagian untuk tujuan tersebut.

Sementara itu, seorang AJK, Hassan Sulaiman Ninam Shah, ketika dihubungi berkata, ianya adalah dakwaan ketua bahagian sahaja.

"Penarikan diri mereka, tidak ada hitam putih," katanya sambil menafikan ada kalangan AJK terbabit telah dibayar untuk menyokong EGM.

Sebaliknya, beliau mendakwa bahawa Mohd Shah yang membayar kepada AJK terbabit supaya menarik diri.

"Kita akan tunjukkan buktinya kepada setiausaha agung Umno, Datuk Seri Tengku Adnan Mansor esok," katanya.

Hassan berkata, beliau dan lima lagi AJK bahagian, akan menemui Tengku Adnan pagi esok di ibu pejabat Umno di Kuala Lumpur.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news//81417>